

08 FEB 2003

Mustapa-Ekonomi

PAKEJ BARU EKONOMI NEGARA HASIL KERJASAMA SEKTOR AWAM DAN SWASTA

KOTA BAHARU, 8 Feb (Bernama) -- Pakej penyusunan semula ekonomi negara yang akan dibentangkan akhir Mac ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah hasil daripada pemantauan berterusan kerajaan terhadap ekonomi negara.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed berkata pakej itu yang bertujuan mengukuhkan ekonomi negara, dihasilkan menerusi kerjasama dan maklumat terkumpul daripada sektor awam dan swasta.

"Langkah ini (pakej ekonomi) dibuat bagi memastikan kita berada di atas landasan yang lebih mantap," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Semalam Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis berkata pakej itu adalah sebahagian strategi jangka panjang dan jangka pendek negara dalam usaha memastikan ekonomi negara kekal berdaya saing terutama bagi menangkis kegawatan ekonomi jika berlaku peperangan antara Amerika Syarikat dan Iraq.

Mustapa berkata pakej ekonomi itu sebenarnya bagi membantu kerajaan untuk memilih tindakan terbaik sekiranya berlaku kesan ekonomi lebih teruk daripada dijangkakan, yang timbul berikutan masalah peperangan itu.

Beliau berkata pakej baru itu kelak banyak menyentuh mengenai usaha secara dalaman bagi mengukuhkan ekonomi negara manakala semua pihak pula diminta mengurangkan masalah birokrasi masing-masing bagi mempercepatkan pertumbuhan negara.

"Kadang-kadang langkah berbentuk kualitatif ini lebih baik daripada langkah-langkah dalam bentuk peningkatan dalam perbelanjaan," katanya.

Mustapa berkata Malaysia sentiasa bersikap terbuka dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi negara.

Sementara itu, Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan mengarahkan kesemua 14 bahagian Umno negeri supaya melaksanakan gerakan dan program yang lebih bersifat mesra rakyat.

"Kita mahu rakyat di Kelantan melihat Umno sebagai sebuah parti yang mampu memberikan perkhidmatan lebih baik kepada rakyat negeri ini," katanya.

Beliau berkata Umno selepas ini perlu peka dan mendahului PAS dalam hal-hal menyentuh kebajikan seperti bantuan kepada penduduk miskin hinggalah dalam usaha membantu para remaja mendapatkan pekerjaan.

-- BERNAMA

RAR RHM